

Gen Z dan Dinamika Bahasa: Pemilihan Leksikal Bahasa Inggeris dalam Kalangan Mahasiswa Melayu di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berpandukan Analisis Pragmatik

Gen Z and Language Dynamics: Lexical Choice of English among Malay Students at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Based on Pragmatic Analysis

Noorsaiyidah Suradi dan Muhammad Zaid Daud*

Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),
76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia

*emel: zaid.daud@utem.edu.my

Published: 13 December 2024

To cite this article (APA): Suradi, N., & Daud, M. Z. (2024). Gen Z and Language Dynamics: Lexical Choice of English among Malay Students at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Based on Pragmatic Analysis. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(2), 100–111. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.9.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.9.2024>

Abstrak

Kajian ini meneliti pemilihan leksikal Bahasa Inggeris oleh penutur Melayu Gen Z di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam domain pakaian, menggunakan analisis pragmatik berdasarkan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1985). Kajian ini bertujuan untuk memahami mengapa dan bagaimana mahasiswa Melayu Gen Z memilih antara leksikal *British English* dan *American English* dengan masalah utama adalah kecenderungan generasi ini terhadap *American English* yang dipengaruhi oleh budaya hiburan Barat. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis teks dengan korpus leksikal diperoleh daripada "*British or American English?: A Handbook of Word and Grammar Patterns*" oleh Algeo (2006). Data kajian terdiri daripada pemilihan lima jenis pakaian: *jumper* atau *sweater*, *trousers* atau *pants*, *trainers* atau *sneakers*, *waistcoat* atau *vest*, dan *nappy* atau *diaper*, melibatkan 100 informan (50 lelaki dan 50 perempuan) Melayu Gen Z yang dipilih menggunakan teknik purposif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penutur Melayu Gen Z lebih cenderung memilih leksikal *American English* berbanding *British English* dalam konteks pakaian. Sebagai contoh, "*sweater*" dipilih oleh 74 informan berbanding "*jumper*" yang dipilih oleh 22 informan, manakala "*pants*" dipilih oleh 91 informan berbanding "*trousers*" yang dipilih oleh 3 informan. Menurut TR, pemilihan ini mencerminkan usaha kognitif yang lebih rendah dan kesesuaian konteks yang lebih tinggi dengan media Amerika memainkan peranan penting dalam membentuk pilihan leksikal. Kesimpulannya, pemahaman tentang dinamika bahasa dan pragmatik dalam kalangan mahasiswa Melayu Gen Z adalah penting untuk merangka strategi pengajaran bahasa Inggeris yang lebih relevan dan berkesan di peringkat pendidikan tinggi.

Kata kunci Pemilihan Leksikal, Bahasa Inggeris, Gen Z, Mahasiswa Melayu, Teori Relevans (TR)

Abstract

This study examines the lexical choice of English by Malay Gen Z speakers at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) in the domain of clothing, using pragmatic analysis based on Sperber and Wilson's (1985) Relevance Theory (RT). The study aims to understand why and how Malay Gen Z students choose between British English and American English, with the main issue being the generation's tendency towards American English that is influenced by Western entertainment culture. The study employs a qualitative approach with text analysis, using a lexical corpus from Algeo's (2006) "British or American English?: A Handbook of Word and Grammar Patterns." The data involves the selection of five types of clothing: jumper or sweater, trousers or pants, trainers

or sneakers, waistcoat or vest, and nappy or diaper, involving 100 Malay Gen Z informants (50 males and 50 females) selected using purposive sampling. Findings indicate that Malay Gen Z speakers tend to prefer American English lexical items over British English in the context of clothing. For example, "sweater" was chosen by 74 informants compared to "jumper" chosen by 22 informants, while "pants" was chosen by 91 informants compared to "trousers" chosen by 3 informants. According to RT, this choice reflects lower cognitive effort and higher contextual relevance, with American media playing a significant role in shaping lexical preferences. In conclusion, understanding the dynamics of language and pragmatics among Malay Gen Z students is crucial for developing more relevant and effective English teaching strategies at the higher education level.

Keywords: Lexical Choice, English Language, Gen Z, Relevance Theory (RT)

PENGENALAN

Tanah Melayu (TM) pernah berada di bawah era penjajahan British bermula tahun 1824 melalui Perjanjian Inggeris-Belanda. Penjajahan ini membawa perubahan besar dalam urusan pentadbiran yang sebelum ini dikuasai oleh Raja-Raja Melayu dengan bantuan pembesar-pembesar negeri. Kedatangan British bersama buruh asing telah memperkenalkan sistem pendidikan sekular yang merangkumi sekolah Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Di beberapa sekolah Melayu, Bahasa Inggeris (BI) mula diperkenalkan untuk memberi peluang kepada murid-murid lepasan sekolah Melayu berkhidmat dengan pihak British (Asmah Haji Omar, 1992). Sebagai contoh, murid-murid di Sekolah Kebangsaan telah didedahkan kepada BI melalui subjek-subjek seperti Matematik dan Sains yang diajar dalam bahasa Inggeris.

Pengaruh British dalam sistem pendidikan dan pentadbiran meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat Melayu. Bahasa Inggeris bukan sahaja digunakan dalam urusan rasmi tetapi juga menjadi bahasa kedua yang penting dalam pendidikan. Sehingga hari ini, pengajaran dan pembelajaran BI telah diperluas dan dimantapkan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti (Abdullah, 2009). Usaha ini bertujuan untuk memastikan generasi muda mempunyai kemahiran bahasa yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global (Noorsaiyidah Suradi & Muhammad Zaid Daud, 2023). Selain itu, pengaruh media massa dan sosial turut menyumbang kepada variasi pemilihan leksikal BI di kalangan penutur Melayu. Dalam era digital ini, pendedahan kepada pelbagai sumber media dari seluruh dunia, termasuk dari Amerika Syarikat dan United Kingdom menjadikan pendedahan kepada kedua-dua varian bahasa Inggeris semakin meluas (Wan Noor Farah Wan Shamsuddin et al., 2019). Penutur Melayu, terutama generasi muda atau Gen Z sering terdedah kepada kedua-dua bentuk bahasa ini melalui televisyen, filem, muzik dan media sosial. Sebagai contoh, menurut Sezgin (2019) rancangan televisyen popular seperti "*Friends*" dari Amerika Syarikat dan "*Doctor Who*" dari United Kingdom, masing-masing menggunakan variasi leksikal yang berbeza seperti "*pants*" (*American English/AE*) berbanding "*trousers*" (*British English/BE*).

Dalam konteks ini, kajian ini akan meneliti pemilihan leksikal "British or American English" oleh penutur Melayu Gen Z dalam domain pakaian dengan berpandukan analisis pragmatik berdasarkan Teori Relevans (TR) oleh Sperber & Wilson (1985). Teori ini menekankan bagaimana penutur dan pendengar berusaha untuk mencapai komunikasi yang relevan dengan usaha kognitif yang minimum. Dalam pemilihan leksikal, penutur akan memilih kata atau istilah yang dianggap paling relevan dan mudah difahami oleh pendengar dalam konteks tertentu. Sebagai contoh, dalam konteks membeli pakaian seorang remaja mungkin lebih cenderung menggunakan istilah "*sweater*" (AE) atau "*jumper*" (BE) bergantung kepada dengan siapa dia berbicara dan dari mana asal pengetahuan bahasanya.

Kajian ini penting untuk memahami bagaimana generasi muda Melayu memilih leksikal dalam BI, khususnya dalam domain pakaian serta faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan tersebut. Pemahaman ini bukan sahaja menyumbang kepada bidang linguistik dan pragmatik, tetapi juga memberi gambaran mengenai identiti bahasa dan budaya generasi ini dalam era globalisasi. Sebagai contoh, jika didapati bahawa penutur Melayu Gen Z lebih cenderung menggunakan variasi leksikal AE dalam media sosial, ini mungkin menunjukkan pengaruh budaya Amerika yang lebih kuat dalam kehidupan mereka. Penyelidikan ini juga akan memberi sumbangan penting kepada usaha memperkukuhkan dasar bahasa dan pendidikan di Malaysia dengan mengambil kira dinamika bahasa yang sentiasa berubah (Gill, 2012).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian oleh Gulnazir dan Salehuddin (2022), variasi leksikal dalam Bahasa Inggeris Malaysia dianalisis melalui data dari Twitter untuk memahami pengaruh British dan Amerika. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bagaimana konteks sosial dan geografi mempengaruhi penggunaan leksikal di media sosial. Pendekatan analisis korpus digunakan untuk mengumpul dan menganalisis tweet yang mengandungi leksikal dari kedua-dua varian bahasa. Contohnya, perkataan "*trousers*" lebih kerap digunakan oleh pengguna yang terdedah kepada *British English*, manakala "*pants*" lebih biasa dalam konteks *American English*. Hasil kajian menunjukkan bahawa penutur Melayu lebih cenderung menggunakan leksikal Amerika dalam konteks kasual, manakala leksikal British digunakan dalam konteks formal. Dapatan ini menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam perubahan dan variasi leksikal. Kesimpulan kajian mencadangkan bahawa faktor sosial dan geografi mempunyai pengaruh yang signifikan dalam pemilihan leksikal dalam kalangan penutur Melayu mencerminkan perubahan bahasa yang dinamik dalam konteks globalisasi.

Seterusnya, kajian oleh David et al. (2008) adalah mengenai sikap dan pilihan leksikal pelajar universiti di Malaysia terhadap Bahasa Inggeris British dan Amerika diteliti untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi preferensi bahasa mereka. Objektif utama kajian adalah mengenal pasti preferensi pelajar serta alasan di sebalik pilihan mereka. Metodologi yang digunakan melibatkan soal selidik yang diedarkan kepada pelajar universiti dengan soalan mengenai pemahaman, keutamaan dan penggunaan leksikal dalam konteks akademik dan sosial. Contohnya, pelajar lebih cenderung menggunakan istilah "*elevator*" (AE) berbanding "*lift*" (BE) dalam komunikasi harian. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan leksikal Amerika dalam situasi kasual dan media sosial manakala leksikal British lebih disukai dalam konteks akademik. Faktor seperti pendedahan kepada media dan bahan bacaan dari Amerika memainkan peranan penting dalam pembentukan preferensi ini. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa preferensi leksikal pelajar dipengaruhi oleh faktor budaya dan pendidikan, mencadangkan agar institusi pendidikan memberikan pendedahan yang seimbang kepada kedua-dua varian bahasa Inggeris untuk memperluas pengetahuan dan kemahiran bahasa pelajar (David et al., 2008).

Kajian oleh Kunalan et al. (2021), mengenai pengaruh bahasa Melayu terhadap peminjaman leksikal dalam Bahasa Inggeris Malaysia dianalisis melalui pendekatan korpus dalam *editorial* surat khabar dalam talian. Kajian ini bertujuan memahami corak peminjaman leksikal dan bagaimana bahasa Melayu mempengaruhi penggunaan tersebut. Data dikumpul dan dianalisis untuk mengenal pasti leksikal yang dipinjam dari bahasa Melayu, menunjukkan bahawa peminjaman leksikal dari bahasa Melayu adalah perkara biasa, terutama dalam konteks budaya dan sosial. Contoh peminjaman termasuk kata-kata seperti "*kampung*" dan "*sate*" yang digunakan dalam Bahasa Inggeris Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peminjaman leksikal ini memperkaya Bahasa Inggeris Malaysia dan menunjukkan adaptasi bahasa terhadap konteks tempatan. Kesimpulan kajian mencadangkan bahawa fenomena ini penting untuk memahami interaksi bahasa dan budaya serta menyarankan kajian lanjut untuk mengkaji impak sosial dan budaya peminjaman leksikal dalam masyarakat Malaysia (Kunala et al., 2021).

Gilquin (2018) pula mengkaji preferensi dan pengiktirafan pelajar universiti terhadap Bahasa Inggeris British dan Amerika dianalisis untuk memahami faktor yang mempengaruhi pilihan leksikal mereka. Kajian ini bertujuan mengenal pasti sejauh mana pelajar dapat mengenal pasti dan memilih antara dua varian bahasa ini. Metodologi yang digunakan melibatkan soal selidik yang diedarkan kepada pelajar universiti dengan soalan mengenai pengiktirafan dan penggunaan leksikal dalam pelbagai konteks. Contohnya, pelajar dapat mengenal pasti bahawa "*flat*" adalah istilah British untuk "*apartment*" dalam *American English*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan leksikal Amerika dalam konteks sosial dan media, manakala leksikal British lebih dikenali dalam konteks akademik. Pelajar menunjukkan kemampuan yang tinggi dalam mengenal pasti perbezaan antara kedua-dua varian ini. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa preferensi dan pengiktirafan leksikal pelajar dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pendedahan media dan konteks penggunaan mencadangkan agar lebih banyak pendedahan diberikan kepada pelajar mengenai kedua-dua varian bahasa untuk memperluas pengetahuan dan kemahiran bahasa mereka (Gilquin, 2018).

Berdasarkan kajian oleh Grieve et al. (2017), inovasi leksikal dalam Bahasa Inggeris Amerika dianalisis melalui data media sosial untuk memahami proses kemunculan dan penyebaran leksikal baru. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kemunculan dan penyebaran leksikal baru dalam platform digital. Pendekatan analisis data besar digunakan untuk mengumpul dan menganalisis teks dari media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook*. Contoh leksikal baru termasuk kata-kata seperti "*selfie*" dan "*hashtag*" yang muncul dan menyebar dengan cepat di media sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam kemunculan dan penyebaran leksikal baru. Media sosial berfungsi sebagai platform utama di mana inovasi leksikal muncul dan disebar dengan cepat dalam masyarakat. Kesimpulan kajian mencadangkan bahawa media sosial adalah medan penting untuk inovasi leksikal dalam Bahasa Inggeris Amerika dan mempunyai impak besar terhadap penggunaan bahasa dalam masyarakat. Penulis mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan untuk memahami lebih lanjut tentang mekanisme penyebaran dan penerimaan leksikal baru ini dalam konteks sosial yang lebih luas (Grieve et al., 2017).

Kajian baharu mengenai Gen Z dan Dinamika Bahasa: Pemilihan Leksikal Bahasa Inggeris dalam Kalangan Mahasiswa Melayu di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berpandukan Analisis Pragmatik adalah sangat diperlukan kerana beberapa sebab penting. Pertama, kajian terdahulu lebih banyak memfokuskan pada pemilihan leksikal dalam konteks umum tanpa menumpukan kepada domain khusus seperti pakaian. Dalam domain ini, terdapat banyak variasi leksikal antara Bahasa Inggeris British dan Amerika contohnya, istilah "*sweater*" berbanding "*jumper*". Kedua, pemahaman tentang bagaimana konteks sosial dan budaya mempengaruhi pemilihan leksikal mahasiswa Melayu adalah kritikal. Kajian ini boleh mendedahkan bagaimana identiti dan aspirasi mereka mencerminkan pilihan leksikal yang mencerminkan perubahan sosial yang lebih luas dalam masyarakat Malaysia. Ketiga, kajian-kajian seperti oleh Gulnazir & Salehuddin (2022) dan David et al. (2008) menunjukkan bahawa media sosial dan bahan bacaan asing mempengaruhi preferensi bahasa namun tidak spesifik kepada domain pakaian. Pendekatan analisis pragmatik dalam kajian ini akan memahami bagaimana faktor-faktor relevan dalam komunikasi harian mempengaruhi pilihan leksikal (Srikandi@Saemah Samaon et al., 2023; Muhammad Zaid Daud et al., 2023). Keempat, terdapat keperluan untuk memahami pengaruh teknologi dan globalisasi dalam pendidikan tinggi. Mahasiswa di UTeM, sebagai pengguna aktif teknologi mungkin mempunyai kecenderungan unik dalam pemilihan leksikal yang perlu dianalisis. Akhirnya, hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pendidik dan pembuat dasar bahasa untuk merangka strategi pengajaran bahasa Inggeris yang lebih relevan dengan keperluan mahasiswa. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman akademik tetapi juga mempunyai implikasi praktikal bagi dasar pendidikan dan bahasa di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan fokus pada analisis teks untuk memahami pemilihan leksikal dalam domain pakaian. Korpus leksikal diperoleh daripada *British or American English?: A Handbook of Word and Grammar Patterns* oleh Algeo (2006), yang menyediakan perbandingan terperinci antara leksikal British dan Amerika. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan, yang memfokuskan leksikal dalam domain pakaian sahaja, seperti "*sweater/jumper*", "*pants/trousers*", "*sneakers/trainers*", "*hoodie*" dan "*t-shirt*".

Sebanyak 100 informan (50 lelaki dan 50 perempuan) Melayu Gen Z telah dipilih menggunakan teknik purposif. Teknik ini memastikan kumpulan informan ini mewakili demografi yang relevan dan mempunyai pendedahan kepada kedua-dua varian bahasa Inggeris. Mahasiswa ini terdiri daripada mahasiswa yang melanjutkan pelajaran di UTeM pada peringkat diploma dan ijazah sarjana muda serta terdiri daripada pelbagai fakulti. Pemilihan generasi Gen Z adalah penting kerana mereka terdedah kepada pelbagai sumber media yang mempengaruhi pilihan leksikal mereka. Informan tersebut terdiri daripada mahasiswa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), memastikan konteks pendidikan tinggi teknikal yang sesuai dengan tujuan kajian. Ng et al. (2021) pula menyatakan bahawa Gen Z di Malaysia secara amnya dianggap sebagai mereka yang berumur 19 hingga 25 tahun atau yang lahir pada tahun 1995 sehingga 2012.

Analisis pragmatik menggunakan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1985) digunakan dalam kajian ini. TR dipilih kerana ia menekankan kepentingan konteks dalam komunikasi, kesan kognitif dan usaha memproses penutur (Muhammad Zaid Daud et al., 2023). Analisis ini akan meneliti bagaimana informan memilih leksikal yang paling relevan dan mudah difahami dalam konteks tertentu. Sebagai contoh, dalam situasi formal atau akademik leksikal British mungkin lebih kerap digunakan manakala dalam konteks kasual atau media sosial leksikal Amerika lebih dominan.

Melalui pendekatan analisis teks, data leksikal yang diperoleh dari korpus akan dianalisis untuk mengenal pasti corak penggunaan leksikal dalam domain pakaian. Ini termasuk menilai bagaimana konteks sosial dan budaya, serta faktor kognitif mempengaruhi pilihan leksikal. Kajian ini bertujuan untuk memberikan wawasan mendalam tentang dinamika pemilihan leksikal dalam komunikasi harian khususnya dalam kalangan mahasiswa Melayu di UTeM. Kajian ini penting kerana ia menyediakan pandangan yang lebih terperinci tentang bagaimana mahasiswa Melayu memilih antara leksikal British dan Amerika dalam konteks pakaian serta faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan mereka. Kesimpulan daripada kajian ini boleh digunakan untuk memperbaiki strategi pengajaran bahasa Inggeris dan memahami pengaruh globalisasi terhadap penggunaan bahasa di Malaysia (Algeo, 2006; Sperber & Wilson, 1985).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kajian ini meneliti pemilihan leksikal bahasa Inggeris dalam domain pakaian oleh penutur Melayu Gen Z di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat variasi ketara dalam pemilihan antara leksikal British dan Amerika. Contoh leksikal yang dianalisis termasuk "jumper" atau "sweater", "trousers" atau "pants", "trainers" atau "sneakers", "waistcoat" atau "vest" dan "nappy" atau "diaper".

Analisis Data 1: "Jumper" atau "Sweater"



Pembinaan Konteks Leksikal Penutur: "JUMPER" OR "SWEATER" OR "BAJU SEJUK" OR "BAJU OOTD" OR "BAJU LENGAN PANJANG"

Kesan Kognitif: *Jumper OR Sweater* - Pakaian bahagian atas badan yang dibuat daripada benang bulu, gentian buatan yang boleh dipakai di luar sebagai jaket atau dipakai bersama kot.

Contoh Usaha Memproses Penutur Melayu Gen Z terhadap Leksikal:

1. Pakai bila sejuk.
2. Pakai bila demam/tidak sihat.
3. Malaysia tiada salji/musim sejuk.
4. Corak krismas.
5. Pakaian panas.

Kekerapan Penutur Mendapat Makna Sebenar “British or American English”

Pemilihan Leksikal dalam *British English* -

Jumper (+): 22 informan

Pemilihan Leksikal dalam *American English*

- *Sweater* (+): 74 informan

Leksikal disingkirkan 4(-): Baju sejuk, Baju

OOTD, Baju Lengan Panjang

Dalam kajian ini, penutur Melayu Gen Z di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menunjukkan kecenderungan yang kuat terhadap penggunaan leksikal *American English* “sweater” berbanding “jumper” dalam *British English*. Daripada 100 informan, 74 memilih “sweater” manakala hanya 22 memilih “jumper”. Pemilihan ini menunjukkan bahawa istilah *American English* lebih dominan dalam konteks harian mereka. Menurut Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1985), penutur cenderung memilih istilah yang paling relevan dan mudah difahami dalam konteks komunikasi mereka dengan usaha kognitif yang minimum. “Sweater” lebih sering digunakan dalam media Amerika seperti filem, rancangan televisyen, dan media sosial yang diakses oleh Gen Z. Sebagai contoh, menurut Haenlein et al. (2020) dalam filem atau rancangan televisyen popular seperti “Friends” dan “Stranger Things,” istilah “sweater” digunakan secara meluas menjadikannya lebih dikenali dan difahami oleh penonton.

Dalam konteks sosial dan budaya, istilah “sweater” lebih sering digunakan untuk menunjukkan gaya kasual dan moden (Haenlein et al., 2020). Malaysia yang beriklim tropika mungkin tidak memerlukan pakaian tebal seperti “jumper” namun pengaruh fesyen dari Amerika tetap popular. Contohnya, dalam konteks fesyen “OOTD” (*outfit of the day*), “sweater” lebih sering digunakan. Kesan kognitif yang mempengaruhi pemilihan leksikal ini juga dikaitkan dengan kesesuaian istilah dalam pelbagai konteks harian (Muhammad Zaid Daud, 2024). “Sweater” lebih sesuai digunakan dalam situasi kasual, yang merupakan keadaan yang biasa bagi penutur Melayu Gen Z.

Pengaruh media sosial juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan penggunaan “sweater.” Platform seperti Instagram dan TikTok sering mempromosikan fesyen dan gaya hidup dari Amerika (Haenlein et al., 2020). Hal ini telah menjadikan “sweater” lebih popular dan dikenali. Sementara itu, “jumper” mungkin kurang digunakan kerana kurang pendedahan kepada *British English* dalam media yang diakses oleh penutur. Kesimpulannya, pemilihan “sweater” berbanding “jumper” oleh penutur Melayu Gen Z di UTeM mencerminkan pengaruh besar media Amerika dan relevansinya dalam konteks sosial dan budaya mereka. TR membantu menjelaskan bahawa penutur akan memilih istilah yang paling relevan dengan konteks komunikasi mereka yang dalam kes ini adalah “sweater” kerana ia lebih mudah difahami dan lebih kerap digunakan dalam media yang mereka akses (Algeo, 2006; Sperber & Wilson, 1985).

Analisis Data 2: “Trousers” atau “Pants”



Pembinaan Konteks Leksikal Penutur: “TROUSERS” OR “PANTS” OR “JEANS” OR “SELUAR PANJANG” OR “DENIM” OR “SELUAR”

Kesan Kognitif: “Trousers” OR “Pants” - Pakaian berkaki yang dipakai dari pinggang ke bawah (ada yang panjang dan ada yang pendek); celana. Berseluar memakai seluar.

Contoh Usaha Memproses Penutur Melayu Gen Z terhadap Leksikal:

1. Seluar jeans.
2. Kasar.
3. Pelbagai corak.
4. Tidak formal.
5. Boleh pakai bila-bila masa.

Kekerapan Penutur Mendapat Makna Sebenar “British or American English”

Pemilihan Leksikal dalam *British English* -

Trousers (+): 3 informan

Pemilihan Leksikal dalam *American English*

- *Pants* (+): 91 informan

Leksikal disingkirkan 6(-): *Jeans*, Seluar

Panjang, *Denim*, Seluar

Pemilihan leksikal antara “trousers” dan “pants” dalam kalangan penutur Melayu Gen Z di UTeM menunjukkan kecenderungan yang jelas ke arah *American English*. Kajian ini mendapati bahawa 91 informan memilih “pants” berbanding hanya 3 yang memilih “trousers”. Menurut Teori Relevans (TR), penutur akan memilih istilah yang memberikan makna yang paling relevan dengan usaha kognitif yang minimum. Dalam kes ini, “pants” lebih dikenali dan digunakan dalam media Amerika yang sering diakses oleh penutur Melayu Gen Z. Bednarek (2012) pula menyatakan bahawa, filem dan rancangan televisyen Amerika, seperti “*The Big Bang Theory*” dan “*Friends*”, menggunakan istilah “pants” menjadikannya lebih biasa dan lebih mudah difahami oleh penonton.

Dalam konteks Malaysia, istilah “pants” juga lebih sesuai digunakan dalam situasi kasual dan tidak formal yang merupakan konteks biasa bagi penutur Melayu Gen Z. Malaysia tidak mempunyai musim sejuk yang ketara jadi penggunaan “trousers” yang sering dikaitkan dengan pakaian formal atau cuaca sejuk mungkin kurang relevan. Selain itu, “pants” lebih fleksibel dan boleh digunakan dalam pelbagai konteks, termasuk kasual, bekerja atau aktiviti harian (Koo et al., 2014), menjadikannya pilihan yang lebih relevan dan lebih mudah difahami oleh penutur. Faktor kesan kognitif juga memainkan peranan, di mana istilah “pants” memerlukan usaha kognitif yang lebih rendah untuk diproses dan difahami oleh penutur.

Menurut TR (Sperber & Wilson, 1985), penutur akan memilih istilah yang memaksimumkan kesan kognitif positif dengan usaha minimum dan dalam kes ini, “pants” memenuhi kriteria tersebut. Pengaruh budaya dan sosial juga penting dalam memahami pemilihan leksikal ini. *American English* sering dilihat sebagai lebih moden dan relevan dalam konteks globalisasi, dan penutur Melayu Gen Z mungkin memilih “pants” kerana ia mencerminkan identiti global dan keterbukaan mereka kepada budaya asing. Ini juga selaras dengan pengaruh media sosial dan gaya hidup yang lebih berorientasikan Amerika, di mana istilah seperti “pants” lebih biasa digunakan (Noorsaiyidah Suradi & Muhammad Zaid Daud, 2023).

Kesimpulannya, pemilihan “pants” berbanding “trousers” oleh penutur Melayu Gen Z di UTeM mencerminkan pengaruh kuat *American English* dan relevansinya dalam konteks sosial dan budaya mereka. Menurut TR, penutur akan memilih istilah yang memberikan makna yang paling relevan dengan usaha kognitif yang minimum dan dalam kes ini, “pants” memenuhi kriteria tersebut kerana ia lebih dikenali, lebih mudah difahami, dan lebih sering digunakan dalam media yang mereka akses (Algeo, 2006; Sperber & Wilson, 1985).

Analisis Data 3: “*Trainers*” atau “*Sneakers*”



Pembinaan Konteks Leksikal Penutur: “*TRAINERS*” OR “*SNEAKERS*” OR “KASUT” OR “KASUT JALAN” OR “KASUT BERTALI”

Kesan Kognitif: “*Trainers*” OR “*Sneakers*” - Sejenis pakaian yang digunakan untuk menutup dan mengalas kaki; kasut; sepatu.

Contoh Usaha Memproses Penutur Melayu Gen Z terhadap Leksikal:

1. Kasut jalan.
2. OOTD (*outfit of the day*)
3. Lapik kaki.
4. Pakai luar rumah.
5. Lebih kasual

Kekerapan Penutur Mendapat Makna Sebenar “*British or American English*”

Pemilihan Leksikal dalam *British English* -

Trainers (+): 8 informan

Pemilihan Leksikal dalam *American English*

- *Sneakers* (+): 16 informan

Leksikal disingkirkan 76(-): Kasut, Kasut

Berjalan, Kasut Bertali

Kajian ini meneliti pemilihan leksikal antara “*trainers*” dan “*sneakers*” dalam kalangan penutur Melayu Gen Z di UTeM. Hasil kajian menunjukkan bahawa 16 informan memilih “*sneakers*” berbanding hanya 8 yang memilih “*trainers*”, menunjukkan kecenderungan ke arah *American English*. Menurut Teori Relevans (TR), pemilihan leksikal dipengaruhi oleh usaha kognitif yang diperlukan untuk memproses makna dan konteks dalam komunikasi. “*Sneakers*” lebih biasa digunakan dalam media Amerika yang diakses oleh penutur Melayu Gen Z.

Contoh-contoh penggunaan “*sneakers*” dalam kalangan penutur Melayu Gen Z termasuk pemakaian sebagai sebahagian daripada fesyen “OOTD” (*outfit of the day*), untuk bersukan atau sebagai kasut harian. Malaysia yang beriklim tropika dan berbudaya kasual melihat “*sneakers*” sebagai pilihan yang praktikal dan bergaya (DeMello, 2009). Sebaliknya, “*trainers*” mungkin kurang digunakan kerana kurang pendedahan kepada *British English* dalam media yang diakses oleh penutur. Kesan kognitif lain yang memainkan peranan adalah kesesuaian istilah dalam pelbagai konteks. “*Sneakers*” lebih sesuai digunakan dalam konteks kasual dan tidak formal yang merupakan situasi yang biasa bagi penutur Melayu Gen Z.

Menurut TR, penutur cenderung memilih istilah yang memberikan makna yang paling relevan dengan usaha kognitif yang minimum (Nur Farain Ali & Muhammad Zaid Daud, 2023). Dalam hal ini, “*sneakers*” lebih relevan kerana ia lebih dikenali dan mudah difahami oleh khalayak yang lebih luas. Pengaruh media sosial juga tidak boleh diabaikan. Platform seperti Instagram dan TikTok yang popular di kalangan Gen Z sering mempromosikan gaya pakaian dan fesyen dari Amerika. Ini mengukuhkan lagi penggunaan “*sneakers*” dalam kalangan penutur Melayu. Sementara itu, “*trainers*” mungkin lebih

jarang dilihat dalam media sosial yang berorientasikan Amerika, menjadikannya kurang relevan dan kurang dikenali.

Kesimpulannya, pemilihan leksikal "*sneakers*" berbanding "*trainers*" oleh penutur Melayu Gen Z di UTeM mencerminkan pengaruh besar media Amerika dan relevansinya dalam konteks sosial dan budaya mereka. TR membantu menjelaskan bahawa penutur akan memilih istilah yang paling relevan dengan konteks komunikasi mereka yang dalam kes ini adalah "*sneakers*" kerana ia lebih mudah difahami dan lebih kerap digunakan dalam media yang mereka akses (Algeo, 2006; Sperber & Wilson, 1985).

Analisis Data 4: "Waistcoat" atau "Vest"



Pembinaan Konteks Leksikal Penutur: "WAISTCOAT" OR "VEST" OR JAKET OR "JAKET KESELAMATAN" OR "BAJU OOTD" OR "BAJU HITAM"

Kesan Kognitif: "Waistcoat" OR "Vest" - Sejenis kot pendek berlengan dan terbuka di bahagian depan atau boleh dizip, labuhnya hingga ke bahagian punggung.

Contoh Usaha Memproses Penutur Melayu Gen Z terhadap Leksikal:

1. Jarang pakai.
2. Panas.
3. Pakai bersama kemeja/*t-shirt*
4. Keselamatan.
5. OOTD (*outfit of the day*).

Kekerapan Penutur Mendapat Makna Sebenar "British or American English"

Pemilihan Leksikal dalam *British English* -

Waistcoat (+): 19 informan

Pemilihan Leksikal dalam *American English*

- *Vest* (+): 67 informan

Leksikal disingkirkan 14(-): Jaket, Jaket

Keselamatan, Baju OOTD, Baju Hitam


Kajian ini meneliti pemilihan leksikal antara "*waistcoat*" dan "*vest*" dalam kalangan penutur Melayu Gen Z di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Hasil kajian menunjukkan bahawa 67 informan memilih "*vest*" (*American English*) berbanding hanya 19 yang memilih "*waistcoat*" (*British English*). Istilah lain seperti "jaket keselamatan" dan "baju OOTD" disingkirkan, menunjukkan bahawa kedua-dua istilah "*vest*" dan "*waistcoat*" lebih relevan dalam konteks pakaian formal. Menurut Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1985), pemilihan leksikal dipengaruhi oleh usaha kognitif yang diperlukan untuk memproses makna dan konteks dalam komunikasi.

Dalam kes ini, "*vest*" mungkin dipilih kerana ia lebih biasa digunakan dalam media Amerika yang diakses oleh penutur Melayu Gen Z. Media seperti filem, rancangan televisyen dan media sosial dari Amerika Syarikat sering menggunakan istilah "*vest*" menjadikannya lebih mudah difahami dan

relevan dalam konteks kasual dan harian. Sebagai contoh, filem seperti "*Men in Black*" dan rancangan televisyen seperti "*Suits*" sering menggunakan istilah "*vest*" menjadikannya lebih dikenali oleh penonton. Contoh-contoh penggunaan "*vest*" dalam kalangan penutur Melayu Gen Z termasuk pemakaian sebagai sebahagian daripada fesyen "OOTD" (*outfit of the day*), untuk bersukan atau sebagai pakaian harian. Malaysia yang beriklim tropika dan berbudaya kasual melihat "*vest*" sebagai pilihan yang praktikal dan bergaya.

Sebaliknya, "*waistcoat*" mungkin kurang digunakan kerana kurang pendedahan kepada *British English* dalam media yang diakses oleh penutur. Menurut TR, penutur cenderung memilih istilah yang memberikan makna yang paling relevan dengan usaha kognitif yang minimum. Dalam hal ini, "*vest*" lebih relevan kerana ia lebih dikenali dan mudah difahami oleh khalayak yang lebih luas. Kesimpulannya, pemilihan leksikal "*vest*" berbanding "*waistcoat*" oleh penutur Melayu Gen Z di UTeM mencerminkan pengaruh besar media Amerika dan relevansinya dalam konteks sosial dan budaya mereka. TR membantu menjelaskan bahawa penutur akan memilih istilah yang paling relevan dengan konteks komunikasi mereka (Mohd Nizam Yusof & Muhammad Zaid Daud, 2023). Maka, dalam kes ini adalah "*vest*" kerana ia lebih mudah difahami dan lebih kerap digunakan dalam media yang mereka akses (Algeo, 2006; Sperber & Wilson, 1985).

Analisis Data 5: "Nappy" atau "Diaper"



Pembinaan Konteks Leksikal Penutur: "NAPPY" OR "DIAPER" OR "Pampers" OR "LAMPIN" OR "LAMPIN BAYI"

Kesan Kognitif: "Nappy" OR "Diaper"- Sejenis kain pembarut (anak kecil dan lain-lain), kain bedung; 2. Kain empat persegi berwarna putih yang dipakaikan pada bayi untuk menyerap air kencing.

Contoh Usaha Memproses Penutur Melayu Gen Z terhadap Leksikal:

1. *Baby*/bayi.
2. Kencing.
3. Berak (buang air besar).
5. Perlu ditukar selepas digunakan.
6. Pakai buang.

Kekerapan Penutur Mendapat Makna Sebenar "British or American English"

Pemilihan Leksikal dalam *British English* -

Nappy (+): 24 informan

Pemilihan Leksikal dalam *American English*

- *Diaper* (+): 68 informan

Leksikal disingkirkan 8(-): "*Pampers*", Lampin, Lampin Bayi

Kajian ini meneliti pemilihan leksikal antara "*nappy*" dan "*diaper*" dalam kalangan penutur Melayu Gen Z di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Hasil kajian menunjukkan bahawa 68 informan memilih "*diaper*" (*American English*) berbanding hanya 24 yang memilih "*nappy*" (*British English*). Istilah lain seperti "*pampers*" dan "*lampin*" disingkirkan, menunjukkan bahawa kedua-dua istilah "*nappy*" dan "*diaper*" lebih relevan dalam konteks penjagaan bayi. Menurut Teori Relevans (TR), pemilihan leksikal dipengaruhi oleh usaha kognitif yang diperlukan untuk memproses makna dan konteks dalam komunikasi.

Dalam kes ini, "*diaper*" mungkin dipilih kerana ia lebih biasa digunakan dalam media Amerika yang diakses oleh penutur Melayu Gen Z. Media seperti filem, rancangan televisyen, dan media sosial dari Amerika Syarikat sering menggunakan istilah "*diaper*" menjadikannya lebih mudah difahami dan relevan dalam konteks penjagaan bayi. Sebagai contoh, dalam filem seperti "*Three Men and a Baby*" dan rancangan televisyen seperti "*Friends*". Menurut Ayichew (2023), istilah "*diaper*" digunakan secara meluas, menjadikannya lebih dikenali oleh penonton. Contoh-contoh penggunaan "*diaper*" dalam kalangan penutur Melayu Gen Z termasuk pemakaian sebagai sebahagian daripada penjagaan bayi harian serta dalam iklan dan produk bayi yang banyak menggunakan istilah "*diaper*".

Sebaliknya, "*nappy*" mungkin kurang digunakan kerana kurang pendedahan kepada British English dalam media yang diakses oleh penutur. Menurut TR, penutur cenderung memilih istilah yang memberikan makna yang paling relevan dengan usaha kognitif yang minimum. Dalam hal ini, "*diaper*" lebih relevan kerana ia lebih dikenali dan mudah difahami oleh khalayak yang lebih luas. Kesimpulannya, pemilihan leksikal "*diaper*" berbanding "*nappy*" oleh penutur Melayu Gen Z di UTeM mencerminkan pengaruh besar media Amerika dan relevansinya dalam konteks sosial dan budaya mereka. TR membantu menjelaskan bahawa penutur akan memilih istilah yang paling relevan dengan konteks komunikasi mereka yang dalam kes ini adalah "*diaper*" kerana ia lebih mudah difahami dan lebih kerap digunakan dalam media yang mereka akses (Algeo, 2006; Sperber & Wilson, 1985).

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan leksikal bagi penutur Melayu Gen Z di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) lebih terarah kepada *American English* berbanding *British English*. Pelbagai faktor mempengaruhi pilihan ini, termasuk pengaruh budaya hiburan Barat seperti lagu, filem dan temu bual yang lebih dekat dengan kehidupan harian golongan ini. Gen Z yang merupakan generasi digital terdedah kepada media sosial dan teknologi global menjadikan *American English* lebih dominan dalam kehidupan mereka. Menurut Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1985), pembinaan konteks daripada leksikal penutur Melayu Gen Z adalah baik dengan kesan kognitif dan usaha memproses yang efektif dan relevan. Mahasiswa di UTeM menunjukkan kecekapan dalam memilih istilah yang paling relevan dan mudah difahami dalam konteks harian mereka. Pengaruh media Amerika yang kuat memainkan peranan besar dalam mempopularkan istilah-istilah *American English*, menjadikan mereka lebih dominan dalam penggunaan harian penutur Melayu Gen Z. Ini mencerminkan perubahan dinamik dalam penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda yang lebih terdedah kepada globalisasi dan budaya popular. Kajian ini menekankan pentingnya memahami dinamika bahasa dan pragmatik dalam konteks pendidikan tinggi di universiti teknikal di mana penggunaan bahasa yang relevan dan mudah difahami adalah kunci kepada komunikasi yang berkesan dan pemahaman yang mendalam.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2009). *Malay language and the influence of English*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Algeo, J. (2006). *British or American English?: A handbook of word and grammar patterns*. Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. (1992). *The linguistic scenery in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayichew, T. (2020). *The effects of television advertisement on consumers' brand image of baby diapers* (Doctoral dissertation, St. Mary's University).

- Bednarek, M. (2012). Constructing 'nerdiness': Characterisation in The Big Bang Theory. *Multilingua*, 31(2-3), 199-229.
- David, M. K., McLellan, J., & Rafik-Galea, S. (2008). *Code-switching in Malaysia: Forms, functions and frequencies of borrowings in Chinese and Tamil*. Lambert Academic Publishing.
- DeMello, M. (2009). *Feet and footwear: A cultural encyclopedia*. Bloomsbury Publishing USA.
- Gill, S. K. (2012). *Language policy challenges in multi-ethnic Malaysia*. Springer.
- Gilquin, G. (2018). American and/or British influence on L2 Englishes – Does context tip the scale(s). In *Modeling world Englishes: Assessing the interplay of emancipation and globalization of ESL varieties* (pp. 187-216).
- Grieve, J., Nini, A., & Guo, D. (2017). Analyzing lexical emergence in modern American English online. *English Language and Linguistics*, 21(1), 99-127.
- Gulnazir, N., & Salehuddin, K. (2022). Investigating lexical variation and change in Malaysian Twitter: A conceptual paper. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(4), 90-107.
- Haenlein, M., Anadol, E., Farnsworth, T., Hugo, H., Hunichen, J., & Welte, D. (2020). Navigating the new era of influencer marketing: How to be successful on Instagram, TikTok, & Co. *California Management Review*, 63(1), 5-25.
- Koo, H. S., Dunne, L., & Bye, E. (2014). Design functions in transformable garments for sustainability. *International Journal of Fashion Design, Technology and Education*, 7(1), 10-20.
- Kunalan, R., Mutty, B., & Francis, K. (2021). Lexical borrowing in Malaysian online newspaper editorials: A corpus-based approach. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(40), 93-98.
- Mohd Nizam Yusof, & Muhammad Zaid Daud. (2023). Keterikatan pola ayat dasar Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Jepun: Analisis Pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 23.
- Muhammad Zaid Daud. (2024). *Cerminan sikap dan watak mitos Melayu (seloka jenaka) dalam kancah politik Malaysia: Analisis pragmatik* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Ng, S. I., Ho, J. A., Lim, X. J., Chong, K. L., & Latiff, K. (2021). Mirror, mirror on the wall, are we ready for Gen-Z in marketplace? A study of smart retailing technology in Malaysia. *Young Consumers*, 22(1), 68-89.
- Noorsaiyidah Suradi, & Muhammad Zaid Daud. (2023). "British English or American English?": Penutur Melayu Gen Z dan pemilihan leksikal dalam domain pakaian berpandukan analisis pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 39.
- Nur Farain Ali, & Muhammad Zaid Daud. (2023). Unsur implisit dalam lagu rakyat "Mein Vater War Ein Wandersmann" bagi masyarakat Jerman berpandukan akal budi Melayu dan pragmatik. *Buletin Penyelidikan Cendekia*, 1(1), 34.
- Sezgin, H. (2019). *Spoken language in TV series: A comparative corpus analysis* (Master's thesis, Necmettin Erbakan University).
- Sperber, D., & Wilson, D. (1985). *Relevance: Communication and cognition*. Harvard University Press.
- Srikandi@Saemah Samaon, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2023, October). *Meneladani sikap positif dan nilai kemanusiaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) seni bahasa: Analisis pragmatik* [Paper presentation]. Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2023), Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia.
- Wan Noor Farah Wan Shamsuddin, Ain Nadzimah Abdullah., Tan, H., & Jusang Bolong. (2019). Attitudes and driving factors behind the attitudes of Malaysian university students towards British English and American English. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 2(5), 01-12.